

Baiki sistem saliran tangani limpahan air dari darat

? BANJIR di Asajaya dan Sadong Jaya yang melanda baru-baru ini, terburuk dalam sejarah dan tidak pernah berlaku sebelum ini. Penduduk sangat bimbang ia akan berulang, apa lagi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana sudah memberi amaran kemungkinan gelombang kedua banjir melanda menjelang Tahun Baru Cina ini.

ANAK JATI ASAJAYA

BANJIR besar yang melanda Asajaya dan Sadong Jaya dari 26 hingga 28 Disember lalu berpunca daripada fenomena hujan lebat luar biasa. Kalau kita lihat Disember lalu, memang taburan hujan luar biasa, tiga hari berturut-turut tanpa henti dan diburukkan lagi dengan air pasang besar 6.2 meter ketika itu.

Bila keadaan itu berlaku di kawasan rendah pun air pasti naik. Di sini kita juga perlu melihat keadaan prasarana di Asajaya dan Sadong Jaya yang mana terdapat lebih 100 kilometer 'ban' atau benteng penghalang kemasukan air

masin dari laut dibina pada awal 1980-an lagi, kerana ia kawasan sangat rendah. Benteng berkenaan adalah untuk menahan kemasukan air laut, namun apa berlaku Disember lalu, air datang dari hulu atau darat terlalu banyak akibat hujan lebat, bukan dari laut.

Di sini kita akui sistem pengairan keluar dari kawasan hulu, terutama sistem perparitan di kawasan ini perlu diberi perhatian segera. Justeru, saya dan Pegawai Daerah merujuk perkara ini kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) supaya mereka dapat melihat kawasan yang perlu diberi perhatian bagi pembinaan sistem saliran untuk mengeluarkan air dari darat dengan cepat jika berlaku fenomena hujan lebat seperti yang berlaku baru-baru ini.

Sebelum ini kita sudah menangani masalah banjir di Tambirat juga dalam Daerah Asajaya, selepas sistem pengairan dibina di situ.

**ABDUL KARIM RAHMAN
HAMZAH**

Ahli Dewan Undangan
Negeri Asajaya